

0901

U B185 AAB
PENGUNDIAN - MAHATHIR

ALOR SETAR, 21 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENASIHATI RAKYAT SUPAYA TIDAK MENDENGAR KHABAR-KHABAR ANGIN YANG DISEBARKAN OLEH GOLONGAN TERTENTU DENGAN TUJUAN MENAKUT-NAKUTKAN MEREKA DARIPADA KELUAR MENGUNDI.

+TIDAK APA YANG HENDAK DITAKUTKAN, KELUARLAH MENGUNDI KERANA KITA MEMPUNYAI POLIS UNTUK MENJAGA KEAMAAN PADA HARI MENGUNDI DAN SELEPASNYA,+ KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE IBU NEGARA SELEPAS MENGUNDI DAN MELAWAT BEBERAPA KAWASAN PUSAT PENGUNDIAN DI NEGERI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN DENGAN KEMAMPUAN POLIS MENJALANKAN TUGAS MEREKA DENGAN CEKAP DAN LICIN DI KESEMUA PUSAT PENGUNDIAN YANG DIBUKA SEJAK 8.30 PAGI INI.

+INI ADALAH SATU USAHA DARIPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU UNTUK MENAKUTKAN PENYOKONG-PENYOKONG BARISAN NASIONAL KELUAR MENGUNDI TERUTAMANYA PENDUDUK KAWASAN BANDAR,+ KATA BELIAU DAN MENAMBAH BAHAWA PIHAK-PIHAK ITU BERHARAP DENGAN TINDAKAN SEDEMIKIAN, SOKONGAN KEPADA BN AKAN BERKURANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA MENDENGAR ADA CERITA-CERITA KONONNYA AKAN BERLAKU RUSUHAN DAN MACAM-MACAM YANG TIDAK ELOK AKAN TERJADI DAN SAYA JUGA MENDAPAT TAHU ADA BEBERAPA ORANG YANG SUDAH MEMBELI BEKALAN MAKANAN SEBAGAI PERSEDIAAN.+ -- LAGI
1644MST 21 10 90

0907

U B186 AAB
PENGUNDIAN - MAHATHIR 2 ALOR SETAR

KATANYA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERJALANAN DI PUSAT-PUSAT PENGUNDIAN DAN MENDAPATI TIDAK ADA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIINGINI YANG BERLAKU SEHINGGA SEKARANG.

+SAYA BERPENDAPAT TIDAK ADA MASALAH SAMA SEKALI DAN PENGUNDI JANGANLAH MUDAH MENDENGAR HASUTAN ATAU KHABAR-KHABAR ANGIN YANG DISEBARKAN ITU.+

MENGENAI PERTANDINGAN BELIAU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KALI INI PEMBANGKANG DI KAWASAN YANG BELIAU BERTANDING, PARLIMEN KUBANG PASU, ADALAH JAUH LEBIH LEMAH BERBANDING PADA PILIHAN RAYA-PILIHAN RAYA YANG LEPAS.

+SEKURANG-KURANG SAYA TIDAK NAMPAK MEREKA BOLEH MENANG DI KUBANG PASU. INI ADALAH PEMERHATIAN SAYA,+ KATA BELIAU, YANG DITENTANG OLEH PRESIDEN HAMIN, DATUK SUDIN WAHAB, YANG MENGGUNAKAN SIMBOL PARTI SEMANGAT 46.

DARIPADA LAWATANNYA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PONDOK-PONDOK BN MEMPUNYAI LEBIH RAMAI BAKAL PENGUNDI DARIPADA PONDOK-PONDOK PEMBANGKANG DAN DI KAWASAN KUBANG PASU SENDIRI, BELIAU BERKATA TIDAK ADA PEKERJA PARTI SEMANGAT 46 ATAU PAS DI PONDOK-PONDOK MEREKA.

+KALAU ADAPUN, CUMA DUA TIGA ORANG SAHAJA DAN PARA PENGUNDI LEBIH RAMAI MENYERAHKAN HANDBILL MEREKA KEPADA PARA PEKERJA DI PONDOK-PONDOK BN. INI MEMBAYANGKAN KEMENANGAN KEPADA BN,+ KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA
1703MST 21 10 90